

**D.R. 31/2014**

**RANG UNDANG-UNDANG MALAYSIAN AIRLINE  
SYSTEM BERHAD (PENTADBIRAN) 2014**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

*Fasal*

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Pemakaian
3. Tafsiran

**BAHAGIAN II**

**PENTADBIRAN**

4. Peletakan Syarikat, dsb., di bawah pentadbiran
5. Pelantikan Pentadbir
6. Tempoh pentadbiran
7. Kelayakan Pentadbir
8. Pemberitahuan pelantikan Pentadbir
9. Fungsi Pentadbir
10. Kuasa Pentadbir
11. Kesan pelantikan Pentadbir
12. Moratorium
13. Keutamaan yang tidak wajar
14. Perkhidmatan peralihan
15. Kesan pengambilalihan kawalan pemberi perkhidmatan peralihan
16. Penyiasatan oleh Pentadbir
17. Kewajipan pegawai untuk membantu dalam penyiasatan

## BAHAGIAN III

## CADANGAN PENTADBIR DAN PELANTIKAN PENASIHAT BEBAS

*Fasal*

18. Pentadbir boleh merundingi semula kontrak atau menyediakan cadangan atau kedua-duanya
19. Pelantikan dan kelayakan Penasihat Bebas
20. Kajian semula cadangan oleh Penasihat Bebas
21. Keputusan pelantik
22. Pelaksanaan cadangan
23. Pemindahan harta atau tanggungan

## BAHAGIAN IV

## MALAYSIA AIRLINES BERHAD

24. Pemerbadanan Malaysia Airlines Berhad
25. Tawaran pekerjaan
26. Malaysia Airlines Berhad, dsb., bukan majikan pengganti
27. Kaedah-kaedah kerja, kod tatakelakuan dan peraturan-peraturan
28. Rundingan dengan kesatuan sekerja dan persatuan
29. Perkara yang berhubungan dengan produktiviti atau penggunaan tenaga kerja dengan berkesan

## BAHAGIAN V

## PELETAKHAKAN HARTA DAN TANGGUNGAN

30. Peruntukan peletakhakan
31. Perintah peletakhakan gantian

## BAHAGIAN VI

## AM

32. Ketidapkakaian seksyen 132E Akta Syarikat 1965
33. Tanggung rugi bagi Pentadbir, dsb.
34. Kekebalan
35. Had ke atas pemberian perintah mahkamah
36. Kesahan transaksi
37. Benda yang dilakukan dengan menjangkakan Akta ini akan diperbuat

## JADUAL

## RANG UNDANG-UNDANG

### *b e r n a m a*

Suatu Akta untuk mengadakan undang-undang khas bagi pentadbiran Malaysian Airline System Berhad, syarikat subsidiari milik penuhnya, dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barangan atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting bagi pengendalian Malaysian Airline System Berhad dan pelantikan seorang pentadbir dengan kuasa untuk mentadbir dan menguruskan Malaysian Airline System Berhad, syarikat subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barangan atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya; untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu entiti baru yang akan menggantikan Malaysian Airline System Berhad sebagai syarikat penerbangan nasional; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

[ ]

BAHAWASANYA peruntukan khas dikehendaki demi kepentingan awam untuk memastikan penerusan perkhidmatan udara yang penting oleh Malaysian Airline System Berhad sebagai syarikat penerbangan nasional dan peruntukan bagi perhubungan yang tiada gangguan ke dan dari dan dalam Malaysia oleh syarikat penerbangan nasional itu:

DAN BAHAWASANYA perundangan ialah satu-satunya cara untuk mentadbir dan menguruskan dengan cepat dan cekap Malaysian Airline System Berhad, syarikat subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barangan atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting bagi pengendalian syarikat penerbangan nasional itu tanpa gangguan kepada pengendaliannya:

DAN BAHAWASANYA penubuhan suatu entiti baru, iaitu Malaysia Airlines Berhad, dengan model perniagaan yang baru adalah kritikal untuk memastikan keberterusan, keuntungan dan kedayamajuan, dan untuk mengambil alih perniagaan, harta, hak, tanggungan dan hal ehwal tertentu Malaysian Airline System Berhad:

DAN BAHAWASANYA adalah demi kepentingan awam untuk memastikan kewujudan yang berterusan syarikat penerbangan nasional untuk memudahkan pembangunan ekonomi Malaysia:

DAN BAHAWASANYA perundangan memperuntukkan, suatu cara yang berkesan, cekap dan lancar untuk mengalihkan perniagaan, harta, hak, tanggungan dan hal ehwal Malaysian Airline System Berhad kepada entiti baru itu:

**MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

## BAHAGIAN I

### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

#### **Pemakaian**

2. (1) Akta ini hendaklah terpakai—

- (a) selama tempoh lima tahun dari tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini; atau
- (b) sehingga penyenaraian dan penyebutan harga syer Malaysia Airlines Berhad dalam senarai rasmi Bursa Malaysia Berhad,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengisytiharkan pemberhentian yang lebih awal Akta ini.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), Akta ini boleh, melalui suatu ketetapan yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen, dilanjutkan selama tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dinyatakan dalam ketetapan itu.

### **Tafsiran**

3. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“badan kawal selia” ertinya suatu pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi penguatkuasaan undang-undang;

“cadangan” ertinya cadangan di bawah perenggan 18(1)(b);

“hak” ertinya semua hak, kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada sebenar, kontingen atau prospektif;

“harta” termasuklah segala harta, alih dan tak alih, dan segala kepentingan, isemen atau hak, sama ada saksama atau di sisi undang-undang mengenai, kepada atau daripada harta, hak dalam tindakan, wang dan nama baik;

“Malaysia Airlines Berhad” ertinya perbadanan yang disebut dalam seksyen 24;

“Menteri” ertinya Perdana Menteri Malaysia;

“pegawai” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam seksyen 4 dan subseksyen 132(6) Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*];

“pelantik” ertinya orang yang melantik seseorang Pentadbir di bawah seksyen 5;

“pemberi perkhidmatan peralihan” ertinya orang yang diarahkan oleh Pentadbir di bawah subseksyen 14(1) untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya;

“pemiutang” termasuklah rakan niaga dalam sesuatu perjanjian, kontrak atau perkiraan dengan Syarikat yang Ditadbir;

“Penasihat Bebas” ertinya orang yang dilantik di bawah seksyen 19;

“Pentadbir” ertinya orang yang dilantik di bawah seksyen 5;

“Syarikat” ertinya Malaysian Airline System Berhad;

“syarikat subsidiari yang dinyatakan” ertinya syarikat subsidiari milik separa yang disenaraikan dalam perenggan 4(c);

“Syarikat yang Ditadbir” ertinya Syarikat, syarikat subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari yang dinyatakan yang telah diletakkan di bawah pentadbiran di bawah seksyen 4;

“tanggungan” termasuklah hutang, caj dan obligasi daripada setiap perihalan sama ada pada masa sekarang atau hadapan, sebenar atau kontingen, dan sama ada kena dibayar atau hendaklah dipatuhi atau dilaksanakan di Malaysia atau tempat lain.

## BAHAGIAN II

### PENTADBIRAN

#### **Peletakan Syarikat, dsb., di bawah pentadbiran**

**4.** Tertakluk kepada kelulusan bertulis Menteri terlebih dahulu, anggota Syarikat, atau lembaga pengarah Syarikat menurut suatu ketetapan lembaga pengarah, boleh meletakkan —

(a) Syarikat;

(b) mana-mana syarikat subsidiari milik penuh Syarikat; dan

(c) syarikat subsidiari milik separa Syarikat yang berikut:

(i) Abacus Distribution Systems (Malaysia) Sdn. Bhd. (Syarikat No. 180535-T);

(ii) Aerokleen Services Sdn. Bhd. (Syarikat No. 277266-X); dan

(iii) MAS Awana Services Sdn. Bhd. (Syarikat No. 372384-D),

di bawah pentadbiran mengikut Akta ini.

### **Pelantikan Pentadbir**

**5.** (1) Anggota Syarikat atau lembaga pengarah Syarikat yang disebut dalam seksyen 4 hendaklah melantik seorang Pentadbir bagi Syarikat yang Ditadbir.

(2) Pelantik boleh pada bila-bila masa selepas pelantikan Pentadbir di bawah subseksyen (1) melantik seorang Pentadbir baru untuk menggantikan Pentadbir yang sedia ada.

(3) Jika Pentadbir dilepaskan daripada pelantikannya, dia hendaklah, berkuat kuasa dari pelepasan itu, dibebaskan daripada segala kewajipan dan tanggungan yang berkenaan dengan pentadbirannya atau berhubung dengan kelakuannya sebagai Pentadbir.

### **Tempoh pentadbiran**

**6.** Pentadbiran Syarikat yang Ditadbir oleh Pentadbir hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pelantikan Pentadbir di bawah subseksyen 5(1) dan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga pentadbiran itu ditamatkan oleh pelantik.

### **Kelayakan Pentadbir**

**7.** (1) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai Pentabdir melainkan jika dia —

(a) ialah orang sebenar; dan

(b) telah bersetuju secara bertulis mengenai pelantikannya.

(2) Orang yang berikut layak untuk dilantik sebagai Pentadbir:

(a) seorang juruaudit syarikat yang diluluskan di bawah Akta Syarikat 1965; atau

(b) seseorang yang, pada pendapat pelantik, berupaya untuk melaksanakan tugas pentadbir.

(3) Orang yang berikut tidak layak untuk dilantik sebagai Pentadbir:

- (a) seorang bankrap belum lepas;
- (b) seorang pemegang gadai janji mana-mana harta Syarikat yang Ditadbir;
- (c) seorang yang mempunyai pemegangan syer secara langsung atau tidak langsung dalam Syarikat yang Ditadbir;
- (d) seorang yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan dalam apa-apa kontrak atau perkiraan untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada Syarikat yang Ditadbir;
- (e) seorang juruaudit Syarikat yang Ditadbir; atau
- (f) seorang pegawai Syarikat yang Ditadbir.

### **Pemberitahuan pelantikan Pentadbir**

8. (1) Pentadbir hendaklah dalam masa tujuh hari selepas pelantikannya—

- (a) menyerah simpan suatu notis pelantikan dengan Pendaftar Syarikat; dan
- (b) menyebabkan supaya suatu notis pelantikannya disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian kebangsaan, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

(2) Tiap-tiap inouis, pesanan untuk barangan atau perkhidmatan, surat urusan, cek, nota kredit, surat cara boleh niaga atau bil muatan yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Syarikat yang Ditadbir atau Pentadbir selepas pelantikan Pentadbir hendaklah mengandungi perkataan “Pentadbir Dilantik”.

(3) Apa-apa ketidakpatuhan kepada subseksyen (1) dan (2) tidak akan menjejaskan kesahan perbuatan Pentadbir dalam pentadbiran Syarikat yang Ditadbir.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “Pendaftar Syarikat” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 4 Akta Syarikat 1965.

## **Fungsi Pentadbir**

9. (1) Pentadbir hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) untuk menjalankan perniagaan dan pengendalian (termasuk menstrukturkan semula pengendalian itu) Syarikat yang Ditadbir;
- (b) untuk mengambil ke dalam jagaannya atau di bawah kawalannya harta, tanggungan, perniagaan dan hal ehwal Syarikat yang Ditadbir dan semua harta yang Syarikat yang Ditadbir berhak atau tampak berhak kepadanya;
- (c) untuk menguruskan harta, tanggungan, perniagaan dan hal ehwal Syarikat yang Ditadbir atas nama dan bagi pihak Syarikat yang Ditadbir, termasuk pelupusan harta dan tanggungan;
- (d) untuk mengambil alih kawalan dan menjalankan semua kuasa yang diberikan kepada pengarah di bawah Akta Syarikat 1965 atau melalui perlembagaan Syarikat yang Ditadbir, dan kuasa pengarah Syarikat yang Ditadbir hendaklah selepas itu terhenti kecuali setakat yang dibenarkan oleh Pentadbir;
- (e) untuk membuat apa-apa perkiraan atau kompromi bagi pihak Syarikat yang Ditadbir dengan pemiutangnya atau mana-mana kelas pemiutangnya atau antara syarikat subsidiari yang dinyatakan dengan anggotanya atau mana-mana kelas anggotanya atau antara Syarikat yang Ditadbir dengan penghutangnya atau mana-mana kelas penghutangnya; dan
- (f) untuk melaksanakan apa-apa fungsi yang boleh dilaksanakan atau dijalankan oleh Syarikat yang Ditadbir atau mana-mana pegawai Syarikat yang Ditadbir jika Pentadbir tidak dilantik.

(2) Tiada apa-apa dalam perenggan (1)(d) boleh menghendaki Pentadbir untuk memanggil apa-apa mesyuarat Syarikat yang Ditadbir.

**Kuasa Pentadbir**

10. Dalam melaksanakan fungsinya di bawah seksyen 9, Pentadbir hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:

- (a) untuk menjalankan perniagaan Syarikat yang Ditadbir;
- (b) untuk melakukan semua benda (termasuk melaksanakan kerja) sebagaimana yang perlu untuk menguruskan, merealisasikan dan memelihara harta, usaha dan hal ehwal Syarikat yang Ditadbir;
- (c) untuk melantik mana-mana orang sebagai pengarah mana-mana Syarikat yang Ditadbir, sama ada untuk mengisi kekosongan atau selainnya, dan untuk menyingkirkan atau menggantung mana-mana pengarah Syarikat yang Ditadbir daripada jawatan walau apa pun Memorandum dan Artikel Persatuan atau mana-mana undang-undang yang lain;
- (d) untuk mengambil milikan harta Syarikat yang Ditadbir dan bagi maksud itu, untuk mengambil apa-apa prosiding yang difikirkannya suai manfaat;
- (e) untuk menjual atau selainnya melupuskan semua atau sebahagian daripada harta, perniagaan, usaha atau harta Syarikat yang Ditadbir melalui lelongan awam atau kontrak persendirian;
- (f) untuk mendapatkan atau meminjam wang dan mencagarkan harta Syarikat yang Ditadbir bagi pemerdapatan atau peminjaman wang itu;
- (g) untuk melantik seorang peguam cara atau akauntan, atau seorang berkeelayakan profesional yang lain untuk membantunya dalam pelaksanaan fungsinya;
- (h) untuk membawa atau membela apa-apa tindakan atau prosiding undang-undang yang lain atas nama dan bagi pihak Syarikat yang Ditadbir;
- (i) untuk merujuk kepada suatu timbang tara apa-apa persoalan yang menyentuh Syarikat yang Ditadbir;
- (j) untuk mengambil dan mengekalkan insurans berkenaan dengan harta Syarikat yang Ditadbir;

- (k) untuk menggunakan meterai perbadanan Syarikat yang Ditadbir;
- (l) untuk melakukan semua perbuatan dan untuk menyempurnakan atas nama dan bagi pihak Syarikat yang Ditadbir apa-apa surat ikatan, resit atau dokumen lain;
- (m) untuk mengeluarkan, menerima, membuat dan mengendors apa-apa bil pertukaran atau nota janji hutang atas nama dan bagi pihak Syarikat yang Ditadbir;
- (n) untuk mengambil kerja atau memecat pekerja, dan untuk menentukan pampasan yang kena dibayar kepada pekerja yang dipecat itu;
- (o) untuk memindahkan mana-mana harta, perniagaan, tanggungan dan hal ehwal Syarikat yang Ditadbir kepada Malaysia Airlines Berhad atau mana-mana syarikat subsidiari Malaysia Airlines Berhad;
- (p) untuk membeli syer, harta dan kelengkapan mana-mana syarikat, yang Syarikat yang Ditadbir merupakan pemegang syer yang sedia ada dalamnya, yang membekalkan barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting untuk memastikan perniagaan yang terletak hak atau akan terletak hak pada Malaysia Airlines Berhad menurut Bahagian V diteruskan tanpa gangguan;
- (q) untuk memberikan atau menerima penyerahan balik suatu pajakan atau sewaan harta Syarikat yang Ditadbir, dan untuk mengambil suatu pajakan atau sewaan apa-apa harta yang dikehendaki atau sesuai bagi Syarikat yang Ditadbir;
- (r) untuk membuat panggilan ke atas mana-mana modal yang belum dipanggil bagi Syarikat yang Ditadbir, mengubah atau mengurangkan semua atau sebahagian daripada modal syer Syarikat yang Ditadbir;
- (s) untuk memberi taraf dan menuntut dalam kebangkrapan, ketidaksolvenan atau penyelesaian mana-mana orang yang berhutang dengan Syarikat yang Ditadbir dan untuk menerima dividen, dan untuk menyertai surat ikatan amanah bagi pemiutang mana-mana orang itu;

- (t) untuk mengemukakan atau membela suatu petisyen untuk penggulangan Syarikat yang Ditadbir;
- (u) untuk menukar lokasi mana-mana pejabat berdaftar Syarikat yang Ditadbir;
- (v) untuk melantik mana-mana ejen untuk membuat apa-apa urusan yang tidak dapat dibuat oleh Pentadbir sendiri atau yang boleh dibuat dengan lebih mudah oleh seorang ejen;
- (w) untuk membuat apa-apa pembayaran yang perlu atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya; dan
- (x) untuk melakukan segala benda lain yang bersampingan dengan pelaksanaan fungsi Pentadbir.

### **Kesan pelantikan Pentadbir**

11. (1) Apabila Pentadbir dilantik, suatu moratorium hendaklah berkuat kuasa dalam tempoh itu —

- (a) tiada petisyen bagi penggulangan Syarikat yang Ditadbir boleh difailkan oleh mana-mana orang dalam mana-mana mahkamah;
- (b) tiada ketetapan boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi penggulangan Syarikat yang Ditadbir;
- (c) tiada penerima, penerima dan pengurus atau penyelesai sementara, boleh dilantik, atau jika dilantik, pelantikannya hendaklah terhenti dengan serta-merta dan dia hendaklah mengosongkan jawatannya;
- (d) tiada langkah boleh diambil —
  - (i) untuk mewujudkan, menyempurnakan atau menguatkuasakan apa-apa cagaran ke atas apa-apa harta Syarikat yang Ditadbir;
  - (ii) untuk menguatkuasakan suatu penghakiman ke atas apa-apa harta Syarikat yang Ditadbir;
  - (iii) untuk memiliki semula apa-apa harta dalam milikan, jagaan atau kawalan Syarikat yang Ditadbir; atau

- (iv) untuk menolak apa-apa hutang yang terhutang kepada Syarikat yang Ditadbir berkenaan dengan apa-apa tuntutan terhadap Syarikat yang Ditadbir,

kecuali dengan persetujuan bertulis Pentadbir terlebih dahulu;

- (e) tiada prosiding dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang yang lain dalam mana-mana mahkamah atau tribunal boleh dimulakan atau diteruskan, dan tiada distress boleh dilevikan, terhadap Syarikat yang Ditadbir atau hartanya kecuali dengan persetujuan bertulis Pentadbir terlebih dahulu;

- (f) apa-apa permohonan yang dibuat di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965 hendaklah ditangguhkan *sine die* dan apa-apa perintah sekatan yang dikeluarkan di bawah subseksyen 176(10) Akta Syarikat 1965 hendaklah dilepaskan dan diketepikan dengan serta-merta; dan

- (g) tiada prosiding dan tiada pelaksanaan atau proses undang-undang yang lain dalam mana-mana mahkamah atau tribunal boleh dimulakan, atau diteruskan, terhadap mana-mana orang yang menyediakan jaminan atau yang bertindak sebagai penjamin bagi tanggungan Syarikat yang Ditadbir berkenaan dengan tanggungan itu kecuali dengan persetujuan bertulis Pentadbir terlebih dahulu.

(2) Pentadbir tidak akan bertanggung bagi sesuatu tindakan atau ganti rugi lain berkenaan dengan keengganan untuk memberikan persetujuannya di bawah subseksyen (1).

(3) Pelantikan Pentadbir tidak boleh—

- (a) dianggap sebagai meletakkan Pentadbir atau Syarikat yang Ditadbir dalam keadaan yang melanggar atau memungkirinya mana-mana kontrak, atau melakukan pecah kepercayaan;

- (b) dianggap sebagai meletakkan Syarikat yang Ditadbir dalam keadaan yang melanggar atau memungkirinya mana-mana kontrak atau dianggap sebagai menimbulkan hak atau kewajipan bagi mana-mana orang untuk—

- (i) menamatkan, membatalkan atau mengubahsuaikan sesuatu perjanjian;

- (ii) menguatkuasakan atau mempercepat pelaksanaan sesuatu obligasi Syarikat yang Ditadbir;
- (iii) menghendaki pelaksanaan sesuatu obligasi yang tidak selainnya berbangkit untuk pelaksanaan; atau
- (iv) enggan atau menghentikan pelaksanaan obligasinya;
- (c) dianggap sebagai meletakkan Pentadbir atau Syarikat yang Ditadbir dalam keadaan yang melanggar mana-mana undang-undang atau perjanjian yang melarang, menyekat atau mengawal selia penyerahhakan, penjualan, pelupusan atau pemindahan apa-apa harta atau penzahiran maklumat;
- (d) melepaskan seorang penjamin daripada sesuatu obligasi;
- (e) menidaksahkan atau melepaskan sesuatu kontrak atau cagaran;
- (f) dianggap sebagai menamatkan, membatalkan atau mengubah apa-apa hak, keistimewaan, pengecualian atau keutamaan berhubung dengan harta Syarikat yang Ditadbir; atau
- (g) dianggap sebagai meletakkan Syarikat yang Ditadbir atau Pentadbir dalam keadaan yang melanggar mana-mana undang-undang atau apa-apa perintah mana-mana mahkamah.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menghalang apa-apa prosiding sivil atau jenayah daripada dimulakan atau diteruskan oleh mana-mana badan kawal selia terhadap Syarikat yang Ditadbir.

## **Moratorium**

**12.** (1) Tempoh moratorium yang disebut dalam seksyen 11, melainkan jika pentadbiran itu terlebih dahulu ditamatkan di bawah seksyen 6 atau perenggan 21(3)(c), hendaklah selama suatu tempoh dua belas bulan bermula dari tarikh pelantikan Pentadbir di bawah subseksyen 5(1).

(2) Menteri boleh, atas permintaan bertulis Pentadbir atau pelantik, melanjutkan moratorium bagi suatu tempoh tidak lebih daripada dua belas bulan selepas berpuas hati bahawa hal keadaan itu mewajarkan pelanjutan itu, dan kuasa pelanjutan sedemikian tidak boleh dilakukan lebih daripada sekali.

(3) Jika tempoh moratorium dilanjutkan menurut subseksyen (2), Pentadbir hendaklah menyebabkan supaya notis pelanjutan itu disiarkan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian kebangsaan, salah satu daripadanya hendaklah dalam bahasa kebangsaan.

### **Keutamaan yang tidak wajar**

**13.** (1) Selepas pelantikan Pentadbir, apa-apa pemindahan, gadai janji, pelaksanaan, penahanan, obligasi, penyelesaian, gadaian, penyerahhakan, penghantaran barangan, pembayaran atau perbuatan lain yang berhubungan dengan apa-apa harta yang dibuat, ditanggung atau dilakukan oleh atau terhadap Syarikat yang Ditadbir yang, jika pemindahan, gadai janji, pelaksanaan, penahanan, obligasi, penyelesaian, gadaian, penyerahhakan, penghantaran barangan, pembayaran atau perbuatan itu dibuat, ditanggung atau dilakukan oleh atau terhadap orang perseorangan, akan menjadi batal atau boleh batal jika dilakukan semasa dia dalam keadaan bankrap di bawah undang-undang kebangkrapan, boleh dielakkan atau didapatkan kembali oleh Pentadbir.

(2) Jika sebutan dibuat dalam undang-undang kebangkrapan mengenai suatu tarikh bagi maksud untuk menentukan kesan kebangkrapan ke atas transaksi yang disebut dalam subseksyen (1), tarikh itu hendaklah tarikh Akta ini mula berkuat kuasa.

### **Perkhidmatan peralihan**

**14.** (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika mana-mana orang terikat di bawah suatu kontrak atau mempunyai obligasi untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada Syarikat yang Ditadbir, Pentadbir boleh mengarahkan orang itu untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya dan bukan kepada Syarikat yang Ditadbir, dan Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya hendaklah membayar bagi barangan atau perkhidmatan itu atau kedua-duanya pada kadar yang sama yang sepatutnya dibayar oleh Syarikat yang Ditadbir.

(2) Arahan oleh Pentadbir di bawah subseksyen (1) hendaklah diberikan hanya bagi maksud memastikan bahawa perkhidmatan Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya tidak terganggu.

(3) Walau apa pun mana-mana peruntukan Akta ini yang lain atau mana-mana undang-undang lain, jika pemberi perkhidmatan peralihan tidak mematuhi arahan Pentadbir di bawah subseksyen (1), Menteri boleh, jika difikirkannya perlu demi kepentingan awam, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, mengarahkan—

(a) Pentadbir atau mana-mana orang lain untuk mengambil alih kawalan keseluruhan atau sebahagian daripada harta, perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan dan untuk menjalankan keseluruhan atau sebahagian daripada perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan itu; dan

(b) supaya perbelanjaan Pentadbir atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dibayar daripada aset pemberi perkhidmatan peralihan itu mendahului semua tuntutan lain sama ada bercagar atau tidak bercagar.

(4) Penentuan tentang apa yang merupakan kepentingan awam hendaklah dibuat oleh Menteri dan penentuan itu adalah muktamad dan mengikat semua orang.

(5) Tanpa menjejaskan Bahagian III, seksyen ini tidak akan menyentuh hak dan kelayakan pemberi perkhidmatan peralihan untuk mendapatkan apa-apa hutang yang sedia ada yang terhutang oleh Syarikat yang Ditadbir kepada pemberi perkhidmatan peralihan itu.

(6) Tidak menjadi prasyarat bahawa Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya hendaklah membayar terlebih dahulu apa-apa hutang yang sedia ada yang terhutang oleh Syarikat yang Ditadbir kepada pemberi perkhidmatan peralihan sebelum menerima apa-apa barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya di bawah subseksyen (1).

**Kesan pengambilalihan kawalan pemberi perkhidmatan peralihan**

**15.** (1) Jika kawalan pemberi perkhidmatan peralihan telah diambil alih di bawah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 14, pemberi perkhidmatan peralihan dan pegawainya hendaklah—

- (a) memberikan kawalan ke atas hartanya, perniagaannya dan hal ehwalnya kepada Pentadbir atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (b) memberikan kepada Pentadbir atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, semua kemudahan sebagaimana yang dikehendaki untuk menjalankan perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan itu.

(2) Pentadbir atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah terus mengawal harta itu, perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan itu dan menjalankan perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan itu atas nama dan bagi pihak pemberi perkhidmatan peralihan itu sehingga bila-bila masa apabila perintah itu dibatalkan.

(3) Dalam tempoh sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 14 sedang berkuat kuasa—

- (a) semua kuasa pemberi perkhidmatan peralihan dan pegawainya di bawah dokumen konstituen pemberi perkhidmatan peralihan, atau yang boleh dijalankan oleh pemberi perkhidmatan peralihan atau pegawainya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, hendaklah terletak hak pada Pentadbir atau orang lain, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak kira sama ada kuasa itu boleh dijalankan melalui ketetapan, ketetapan khas atau mengikut apa-apa cara lain dan apa-apa kesulitan yang berbangkit daripada peletakhakan itu boleh diselesaikan oleh Menteri melalui arahan secara bertulis;
- (b) tiada pegawai pemberi perkhidmatan peralihan boleh, sama ada secara langsung atau secara tidak langsung, terlibat dalam apa-apa aktiviti berhubung dengan pemberi perkhidmatan peralihan itu, kecuali sebagaimana yang dikehendaki atau dibenarkan oleh Pentadbir atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

- (c) Pentadbir atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menjalankan kuasa pemberi perkhidmatan peralihan yang terletak hak padanya untuk menjamin penghantaran barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya dan tidak boleh sebaliknya melakukan apa-apa pun untuk mengganggu perniagaan pemberi perkhidmatan peralihan itu.

(4) Suatu perintah di bawah seksyen 14 tidak mempunyai kesan memberikan atau meletakkan pada Pentadbir atau orang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, apa-apa hakmilik kepada atau apa-apa kepentingan benefisial mengenai mana-mana harta pemberi perkhidmatan peralihan.

### **Penyiasatan oleh Pentadbir**

**16.** (1) Pentadbir boleh menghendaki mana-mana pegawai Syarikat yang Ditadbir untuk menentusahkan dan mengemukakan kepada Pentadbir suatu pernyataan mengenai hal ehwal Syarikat yang Ditadbir dalam masa dua puluh satu hari.

(2) Pernyataan itu hendaklah mengikut apa-apa bentuk yang ditentukan oleh Pentadbir dan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) butir-butir mengenai semua harta dan tanggungan;
- (b) nama dan alamat pemiutang;
- (c) cagaran yang dipegang oleh pemiutang dan tarikh bila cagaran itu diberikan;
- (d) suatu akuan berkanun yang di bawah Akta Akuan Berkanun 1960 [*Akta 13*], yang mengisytiharkan bahawa maklumat dalam pernyataan hal ehwal itu adalah benar dan betul; dan
- (e) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pentadbir.

**Kewajipan pegawai untuk membantu dalam penyiasatan**

**17.** (1) Seseorang pegawai Syarikat yang Ditadbir hendaklah dalam masa tujuh hari selepas diminta oleh Pentadbir—

- (a) menghantar kepada Pentadbir semua buku, rekod dan dokumen Syarikat yang Ditadbir yang berada dalam milikan pegawai itu; dan
- (b) jika pegawai itu mengetahui lokasi buku, rekod dan dokumen lain yang berhubungan dengan Syarikat yang Ditadbir, memaklumkan Pentadbir tentang lokasi buku, rekod dan dokumen itu.

(2) Seseorang pegawai Syarikat yang Ditadbir hendaklah—

- (a) membantu Pentadbir pada bila-bila masa; dan
- (b) memberi Pentadbir apa-apa maklumat berkenaan dengan harta, hal ehwal dan hal keadaan kewangan Syarikat yang Ditadbir,

sebagaimana yang dikehendaki oleh Pentadbir secara munasabah.

(3) Pentadbir hendaklah, apabila pentadbiran di bawah Akta ini berakhir, mengembalikan apa-apa buku, rekod dan dokumen yang diterima di bawah subseksyen (1) kepada Syarikat yang Ditadbir.

**BAHAGIAN III**

**CADANGAN PENTADBIR DAN PELANTIKAN PENASIHAT BEBAS**

**Pentadbir boleh merundingi semula kontrak atau menyediakan cadangan atau kedua-duanya**

**18.** (1) Pentadbir boleh, dalam mentadbirkan Syarikat yang Ditadbir, menurut budi bicara mutlaknya, mengambil salah satu atau kedua-dua tindakan yang berikut:

- (a) merundingi semula terma dan syarat mana-mana kontrak atau perjanjian Syarikat yang Ditadbir dengan rakan niaga;
- (b) menyediakan suatu cadangan berkenaan dengan Syarikat yang Ditadbir atau apa-apa tuntutan dan tanggungan terhadap atau bagi Syarikat yang Ditadbir.

(2) Cadangan yang disebut dalam subseksyen (1)(b) boleh termasuk apa-apa peruntukan yang difikirkan patut oleh Pentadbir.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (2), cadangan itu boleh memperuntukkan bagi pemindahan apa-apa harta, perniagaan atau tanggungan Syarikat yang Ditadbir kepada seseorang yang dinamakan dalam cadangan itu—

- (a) dengan cara peletakhakan di bawah Bahagian V; atau
- (b) mengikut undang-undang yang berkaitan yang terpakai bagi melaksanakan pemindahan harta, perniagaan atau tanggungan itu.

(4) Pentadbir hendaklah, selepas cadangan di bawah subseksyen (1) disiapkan, mengemukakan cadangan itu kepada Penasihat Bebas dan pelantik.

### **Pelantikan dan kelayakan Penasihat Bebas**

**19.** (1) Selepas diberitahu oleh Pentadbir bahawa suatu cadangan akan disediakan di bawah seksyen 18, pelantik hendaklah melantik seorang Penasihat Bebas.

(2) Tiada seorang pun boleh dilantik sebagai Penasihat Bebas melainkan jika—

- (a) orang itu telah bersetuju secara bertulis mengenai pelantikan itu;
- (b) orang itu tidak mempunyai hubung kait dengan pelantik, pengurusan dan lembaga pengarah Syarikat yang Ditadbir dan Malaysia Airlines Berhad, dan tidak mempunyai apa jua kepentingan dalam Syarikat yang Ditadbir dan Malaysia Airlines Berhad; dan

(c) orang itu merupakan —

- (i) suatu bank pelaburan;
- (ii) suatu firma akauntan; atau
- (iii) seorang (selain orang sebenar) yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pemberian nasihat mengenai kewangan korporat yang merupakan aktiviti terkawal di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*] dan yang, pada pendapat pelantik, mempunyai pengalaman yang dikehendaki atau berupaya melaksanakan tugas Penasihat Bebas.

### **Kajian semula cadangan oleh Penasihat Bebas**

**20.** (1) Penasihat Bebas hendaklah menjalankan suatu kajian semula cadangan yang disediakan oleh Pentadbir di bawah seksyen 18.

(2) Dalam mengkaji semula cadangan itu, Penasihat Bebas boleh mempertimbangkan —

- (a) kepentingan semua orang yang terjejas oleh cadangan itu, termasuk pemiutang, Syarikat yang Ditadbir dan Malaysia Airlines Berhad, jika berkenaan, dengan memberikan setiap kategori orang yang terjejas oleh cadangan itu setiap apa-apa pewajaran yang difikirkannya patut; atau
- (b) apa-apa perkara atau pertimbangan lain yang difikirkan berkaitan atau sesuai oleh Penasihat Bebas di bawah hal keadaan itu.

(3) Selepas kajian semula itu disiapkan, Penasihat Bebas hendaklah menyediakan suatu laporan mengenai kajian semulanya dan mengemukakan laporan itu kepada Pentadbir dan pelantik.

### **Keputusan pelantik**

**21.** (1) Pelantik hendaklah menimbang cadangan Pentadbir berserta dengan laporan Penasihat Bebas yang dikemukakan kepada pelantik di bawah subseksyen 20(3).

(2) Jika pelantik meluluskan cadangan itu, Pentadbir hendaklah melaksanakan cadangan itu mengikut termannya.

(3) Jika pelantik menolak cadangan itu, pelantik boleh—

- (a) mengarahkan Pentadbir untuk menyemak semula cadangan itu;
- (b) mengarahkan Pentadbir untuk menyediakan suatu cadangan yang baru; atau
- (c) menamatkan pentadbiran Syarikat yang Ditadbir.

### **Pelaksanaan cadangan**

**22.** (1) Jika kelulusan sesuatu badan kawal selia dikehendaki untuk melaksanakan cadangan itu dan syarat-syarat dikenakan oleh badan kawal selia itu, Pentadbir hendaklah merujukkan syarat-syarat yang dikenakan itu kepada pelantik.

(2) Jika pelantik berpendapat bahawa syarat-syarat itu bukan untuk kepentingan Syarikat yang Ditadbir, pelantik boleh—

- (a) mengarahkan Pentadbir untuk menyemak semula cadangan itu;
- (b) mengarahkan Pentadbir untuk menyediakan suatu cadangan yang baru; atau
- (c) menamatkan pentadbiran Syarikat yang Ditadbir.

(3) Sebelum cadangan itu dilaksanakan, Pentadbir hendaklah menghantar suatu salinan cadangan itu dan laporan Penasihat Bebas melalui pos berdaftar kepada alamat terakhir yang diketahui atau melalui cara elektronik kepada setiap pemiutang Syarikat yang Ditadbir yang terjejas oleh cadangan itu dan mana-mana orang lain yang terjejas oleh terma cadangan itu.

(4) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang atau kontrak, Pentadbir hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan dan melakukan segala benda yang perlu untuk menjalankan dan menguatkuasakan dengan sepenuhnya dan berkesan cadangan itu atau mana-mana bahagian cadangan itu tanpa memerlukan

apa-apa notis atau kelulusan atau persetujuan mana-mana anggota atau pemiutang Syarikat yang Ditadbir atau mana-mana orang lain yang terjejas oleh cadangan itu dan cadangan itu hendaklah mengikat Syarikat yang Ditadbir, pemiutang Syarikat yang Ditadbir dan semua orang yang terjejas oleh terma cadangan itu, termasuk Malaysia Airlines Berhad, jika berkenaan.

(5) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang mengenai jaminan—

- (a) pelaksanaan sesuatu cadangan di bawah seksyen ini tidak membebaskan atau melepaskan apa-apa cagaran yang diperuntukkan oleh mana-mana orang untuk menjamin apa-apa kewajipan atau tanggungan yang dipunyai oleh Syarikat yang Ditadbir kepada mana-mana pemiutangnya; dan
- (b) setiap cagaran sedemikian dan apa-apa kewajipan atau tanggungan orang yang memberikan cagaran itu hendaklah tetap sah and boleh dikuatkuasakan terhadap orang itu walau apa pun pelaksanaan cadangan itu, atau apa-apa kompromi, perkiraan, pembentukan semula atau penyatuan yang berkaitan dengan Syarikat yang Ditadbir.

(6) Walau apa pun kegagalan untuk memberitahu mana-mana pemiutang Syarikat yang Ditadbir dan orang yang terjejas oleh terma cadangan itu mengikut kehendak subseksyen (3), kegagalan sedemikian tidak menjejaskan kesahan cadangan itu.

### **Pemindahan harta atau tanggungan**

**23.** (1) Jika cadangan itu mengarahkan supaya harta atau tanggungan dipindahkan, Pentadbir hendaklah memindahkan harta atau tanggungan itu kepada penerima pindahan mengikut peruntukan peletakhakan di bawah Bahagian V dan mengikut terma dan syarat yang dinyatakan dalam cadangan itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, sesuatu sebutan mengenai “Malaysia Airlines Berhad” dalam Bahagian V hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai penerima pindahan yang dicadangkan yang dinamakan dalam cadangan itu.

## BAHAGIAN IV

## MALAYSIA AIRLINES BERHAD

**Pemerbadanan Malaysia Airlines Berhad**

**24.** Perbadanan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 dengan nama “Malaysia Airlines Berhad” hendaklah mempunyai matlamat utama untuk mengendalikan syarikat penerbangan nasional Malaysia dan hendaklah menjalankan perniagaan syarikat penerbangan nasional sebagai suatu perusahaan komersial dan apa-apa perniagaan lain yang difikirkan patut oleh lembaga pengarah Malaysia Airlines Berhad.

**Tawaran pekerjaan**

**25.** Malaysia Airlines Berhad boleh, menurut budi bicara mutlaknya, menawarkan pekerjaan kepada mana-mana orang yang sebaik sebelum tarikh tawaran itu berada dalam penggajian atau perkhidmatan Syarikat yang Ditadbir atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Malaysia Airlines Berhad.

**Malaysia Airlines Berhad, dsb., bukan majikan pengganti**

**26.** (1) Walau apa pun apa-apa yang berlawanan dalam Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang, jika Pentadbir mengambil alih kawalan Syarikat yang Ditadbir, atau jika Malaysia Airlines Berhad membuat suatu tawaran pekerjaan kepada seseorang yang berada dalam penggajian atau perkhidmatan Syarikat yang Ditadbir, atau jika Malaysia Airlines Berhad membuat suatu perjanjian perkhidmatan peralihan dengan Syarikat yang Ditadbir, Pentadbir, pelantik atau Malaysia Airlines Berhad tidak boleh—

- (a) dianggap sebagai pengganti, pemegang serah hak atau penerima pindahan atau majikan pengganti kepada Syarikat yang Ditadbir;
- (b) bertanggung bagi apa-apa obligasi yang berhubungan dengan apa-apa pelan persaraan atau pelan manfaat pasca pekerjaan yang lain berkenaan dengan pekerja atau bekas pekerja Syarikat yang Ditadbir atau mana-mana pendahulu bagi Syarikat yang Ditadbir yang wujud sebelum pengambilalihan kawalan atau pelantikan itu; atau

- (c) bertanggung bagi apa-apa jumlah wang yang dikira dengan merujuk kepada suatu tempoh masa sebelum Malaysia Airlines Berhad menjadi majikan orang yang berkenaan.

(2) Malaysia Airlines Berhad, pelantik dan Pentadbir tidak boleh dinamakan sebagai suatu pihak dalam apa-apa tuntutan atau permohonan yang dibuat atau ditambahkan sebagai suatu pihak dalam apa-apa prosiding yang dimulakan atau diteruskan oleh atau bagi pihak mana-mana pekerja atau bekas pekerja Syarikat yang Ditadbir menurut Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*], atau Akta Kerja 1955 [*Akta 265*], Ordinan Buruh Sabah 1950 [*Sabah Bab 67*], Ordinan Buruh Sarawak 1952 [*Sarawak Bab 76*] atau Akta Kesatuan Sekerja 1959 [*Akta 262*].

### **Kaedah-kaedah kerja, kod tatakelakuan dan peraturan-peraturan**

**27.** Malaysia Airlines Berhad boleh, jika difikirkannya patut, mengenakan apa-apa kaedah kerja, kod tatakelakuan dan peraturan-peraturan berhubung dengan pekerjaanya mengikut semua undang-undang yang terpakai.

### **Rundingan dengan kesatuan sekerja dan persatuan**

**28.** (1) Semua perkara yang hendak dibincangkan atau dirundingkan antara Malaysia Airlines Berhad dengan—

- (a) mana-mana kesatuan sekerja yang diiktiraf dengan sewajarnya oleh Malaysia Airlines Berhad mengikut Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Kesatuan Sekerja 1959; dan
- (b) mana-mana persatuan yang diiktiraf oleh Malaysia Airlines Berhad,

hendaklah melalui mesyuarat.

(2) Sesuatu mesyuarat yang hendak diadakan di bawah subseksyen (1) tidak boleh diteruskan melainkan jika semua kesatuan sekerja dan persatuan diwakili sewajarnya dalam mesyuarat itu.

(3) Jika selepas setengah jam dari masa yang ditetapkan bagi sesuatu mesyuarat, tidak semua daripada kesatuan sekerja dan persatuan diwakili dengan sewajarnya, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan ke minggu yang berikutnya, pada hari dan masa dan di tempat yang sama tanpa apa-apa notis lanjut.

(4) Jika mesyuarat itu ditangguhkan ke suatu hari yang merupakan hari kelepasan am, mesyuarat yang ditangguhkan itu hendaklah diadakan semula pada hari bekerja yang berikutnya.

(5) Apabila mesyuarat yang ditangguhkan itu diadakan semula pada tarikh yang baru, ketidakhadiran oleh mana-mana kesatuan sekerja atau persatuan tidak boleh menghalang mesyuarat itu daripada diteruskan.

(6) Apa-apa keputusan yang dibuat semasa mesyuarat oleh Malaysia Airlines Berhad dengan kesatuan sekerja dan persatuan yang hadir pada mesyuarat itu hendaklah sah dan mengikat Malaysia Airlines Berhad dan semua kesatuan sekerja dan persatuan yang diiktiraf oleh Malaysia Airlines Berhad.

(7) Dalam sesuatu mesyuarat di bawah seksyen ini, jika kesatuan sekerja dan persatuan dengan sebulat suara memutuskan bahawa perkara bagi perbincangan atau rundingan itu berhubungan semata-mata dengan suatu kesatuan sekerja atau persatuan yang khusus, mesyuarat itu hendaklah dibubarkan dan suatu mesyuarat yang berasingan hendaklah diadakan antara Malaysia Airlines Berhad dengan kesatuan sekerja atau persatuan yang khusus itu.

(8) Mesyuarat yang berasingan antara Malaysia Airlines Berhad dengan kesatuan sekerja atau persatuan khusus itu tidak boleh membincangkan apa-apa perkara selain perkara yang diputuskan di bawah subseksyen (7).

### **Perkara yang berhubungan dengan produktiviti atau penggunaan tenaga kerja dengan berkesan**

**29.** (1) Walau apa pun seksyen 28, perkara yang berikut yang berhubungan dengan atau yang memberi kesan kepada produktiviti atau penggunaan tenaga kerja dengan berkesan dalam Malaysia Airlines Berhad hendaklah ditentukan oleh Malaysia Airlines Berhad:

(a) pencarian sumber dan pengutukan sumber;

- (b) penilaian pekerja;
- (c) kelayakan cuti; dan
- (d) waktu bekerja dan penjadualan kerja, termasuk had masa penerbangan dan tempoh tugas penerbangan.

(2) Malaysia Airlines Berhad dalam menentukan apa-apa perkara di bawah subsekyen (1) hendaklah mematuhi semua undang-undang dan standard antarabangsa yang terpakai.

## BAHAGIAN V

### PELETAKHAKAN HARTA DAN TANGGUNGAN

#### **Peruntukan peletakhakan**

**30.** (1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menetapkan suatu tarikh peletakhakan bagi setiap perintah dan pada tarikh sedemikian mana-mana harta atau tanggungan Syarikat yang Ditadbir yang dinyatakan oleh Menteri dalam perintah itu hendaklah dipindahkan kepada dan terletak hak pada Malaysia Airlines Berhad tanpa apa-apa jua pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan.

(2) Peletakhakan menurut subseksyen (1) hendaklah mempunyai kesan yang dinyatakan dalam Jadual walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang dan hendaklah mengikat mana-mana orang yang terjejas oleh peletakhakan itu.

#### **Perintah peletakhakan gantian**

**31.** (1) Menteri boleh mengeluarkan suatu perintah peletakhakan baru (“perintah peletakhakan gantian”) untuk menggantikan mana-mana perintah peletakhakan yang dikeluarkan terdahulu untuk membetulkan apa-apa peninggalan atau kesilapan dalam perintah peletakhakan itu.

(2) Mana-mana perintah peletakhakan gantian yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1), yang menyatakan bahawa harta atau tanggungan telah dipindahkan kepada dan terletak hak pada

Malaysia Airlines Berhad, hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai pemindahan dan peletakhakan itu pada tarikh peletakhakan yang ditetapkan dalam perintah peletakhakan gantian itu.

(3) Jika mana-mana undang-undang menetapkan suatu tempoh masa yang dalamnya pemindahan apa-apa harta atau tanggungan yang dinyatakan sebagai hal perkara bagi perintah peletakhakan gantian itu hendaklah didaftarkan atau difailkan, tempoh itu hendaklah bermula dari tarikh peletakhakan yang ditetapkan dalam perintah peletakhakan gantian itu atau tarikh perintah peletakhakan gantian itu dikeluarkan, mengikut mana-mana yang kemudian.

(4) Apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh Malaysia Airlines Berhad atau mana-mana orang lain, yang bergantung pada suatu perintah peletakhakan yang dikeluarkan terdahulu tidak akan terjejas oleh apa-apa peninggalan atau kesilapan yang dibetulkan dalam perintah peletakhakan gantian.

(5) Bagi maksud Akta ini, apa-apa sebutan mengenai sesuatu perintah peletakhakan hendaklah disifatkan sebagai termasuk sebutan mengenai perintah peletakhakan gantian.

## BAHAGIAN VI

### AM

#### **Ketidakpakaian seksyen 132E Akta Syarikat 1965**

**32.** Seksyen 132E Akta Syarikat 1965 tidak terpakai bagi apa-apa pelupusan melalui apa-apa perkiraan atau transaksi antara Syarikat dengan Malaysia Airlines Berhad.

#### **Tanggung rugi bagi Pentadbir, dsb.**

**33.** (1) Pentadbir, pelantik dan mana-mana orang lain adalah berhak untuk mendapatkan tanggung rugi daripada harta Syarikat yang Ditadbir bagi—

- (a) dalam hal Pentadbir, kos, perbelanjaan dan saraannya yang diperuntukkan di bawah terma pelantikannya;

- (b) dalam hal pelantik, pembayaran balik apa-apa kemudahan kredit yang diberikan oleh pelantik kepada Pentadbir atau kepada Syarikat yang Ditadbir semasa pentadbiran Syarikat yang Ditadbir;
- (c) dalam hal Malaysia Airlines Berhad, pembayaran balik apa-apa kemudahan kredit yang diberikan oleh Malaysia Airlines Berhad kepada Pentadbir atau kepada Syarikat yang Ditadbir semasa pentadbiran Syarikat yang Ditadbir; atau
- (d) dalam hal mana-mana orang lain, pembayaran balik apa-apa kemudahan kredit yang diberikan oleh orang itu kepada Pentadbir atau kepada Syarikat yang Ditadbir semasa pentadbiran Syarikat yang Ditadbir dengan kelulusan pelantik.

(2) Walau apa pun mana-mana undang-undang lain, suatu hak tanggung rugi di bawah subseksyen (1) hendaklah mempunyai keutamaan ke atas harta Syarikat yang Ditadbir dan hendaklah dibayar dahulu berbanding dengan semua hutang bercagar dan tidak bercagar yang lain.

### **Kekebalan**

**34.** (1) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa jua prosiding boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau tribunal atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa terhadap—

- (a) Menteri;
- (b) pelantik;
- (c) Pentadbir;
- (d) Penasihat Bebas;
- (e) mana-mana pegawai orang yang disebut dalam perenggan (b) dan (d); atau
- (f) mana-mana orang yang bertindak di sisi undang-undang bagi pihak pelantik, Pentadbir dan Penasihat Bebas,

bagi apa-apa kerugian atau kerosakan kerana atau disebabkan oleh, atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau diarahkan dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dan dalam perjalanan apa-apa kuasa atau penunaian apa-apa kewajipan yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

(2) Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau apa jua prosiding boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan dalam mana-mana mahkamah atau tribunal atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa terhadap Pentadbir yang dilantik di bawah Akta ini dan mana-mana orang yang bertindak dengan sah bagi pihak Pentadbir oleh mana-mana pihak bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan atau perkara yang dilakukan atau pernyataan yang dibuat atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dengan suci hati dan dalam perjalanan apa-apa fungsi atau kuasa, yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Akta ini melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan oleh, salah laku yang disengajakan atau kecuaiian yang melampau Pentadbir yang dilantik di bawah Akta ini dan mana-mana orang yang bertindak dengan sah bagi pihak Pentadbir.

### **Had ke atas pemberian perintah mahkamah**

**35.** (1) Walau apa pun mana-mana undang-undang, suatu perintah mahkamah tidak boleh diberikan—

- (a) bagi menggantung, menyekat atau menyentuh kuasa Pentadbir di bawah Akta ini;
- (b) bagi menggantung, menyekat atau menyentuh apa-apa tindakan yang diambil atau yang dicadangkan untuk diambil oleh Pentadbir di bawah Akta ini; atau
- (c) bagi memaksa Pentadbir untuk melakukan atau melaksanakan apa-apa perbuatan,

dan apa-apa perintah sedemikian, jika diberikan, adalah tidak sah dan tidak boleh dikuatkuasakan dan tidak boleh menjadi hal perkara apa-apa proses pelaksanaan sama ada bagi maksud memaksa pematuhan kepada perintah itu atau selainnya.

(2) Keputusan pelantik dalam seksyen 4 dan 5, Menteri dalam subseksyen 12(2) dan Pentadbir dalam subseksyen 18(1) adalah muktamad.

### **Kesahan transaksi**

**36.** Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang, apa-apa pembayaran yang dibuat, transaksi yang dibuat, atau apa-apa perbuatan atau benda lain yang dilakukan dengan suci hati oleh atau dengan persetujuan Pentadbir adalah sah dan mempunyai kuat kuasa bagi maksud Akta ini dan tidak boleh dianggap sebagai suatu keutamaan tidak wajar semasa penggulangan Syarikat yang Ditadbir.

### **Benda yang dilakukan pada menjangkakan pembuatan Akta ini akan diperbuat**

**37.** (1) Semua perbuatan dan benda yang dilakukan oleh mana-mana orang berkaitan dengan harta, tanggungan, perniagaan dan hal ehwal Syarikat yang Ditadbir sebagai persediaan atau pada menjangkakan pembuatan Akta ini dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan perbuatan dan benda yang dilakukan hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta ini, jika perbuatan dan benda yang dilakukan adalah selaras dengan niat dan maksud am Akta ini.

(2) Pemerbadanan Malaysia Airlines Berhad dan semua perbuatan dan benda yang dilakukan oleh mana-mana orang bagi pihak Malaysia Airlines Berhad dan semua hak dan obligasi yang diperoleh atau dilakukan bagi pihak Malaysia Airlines Berhad hendaklah, apabila mula berkuat kuasanya Akta ini, disifatkan sebagai dilakukan di bawah Akta ini dan hendaklah menjadi hak dan obligasi Malaysia Airlines Berhad.

## JADUAL

[Seksyen 30]

## PELETAKHAKAN HARTA DAN TANGGUNGAN

**Tafsiran**

1. (1) Dalam Jadual ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“pemindah” dan “penerima pindahan” masing-masing ertinya pihak masing-masing yang dikenal pasti seperti sedemikian dalam perintah peletakhakan;

“perintah peletakhakan” ertinya perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah seksyen 30.

“tarikh pindah milik” ertinya tarikh yang dinyatakan dalam perintah peletakhakan yang pada hari itu apa-apa harta atau tanggungan dipindahkan dan terletak hak;

(2) Sebutan dalam Jadual ini mengenai “tanggungan” ertinya keseluruhan atau apa-apa bahagian daripada tanggungan sebagaimana yang dipindahkan melalui perintah peletakhakan.

**Kesan perintah peletakhakan**

2. (1) Jika sesuatu harta dipindahkan di bawah perintah peletakhakan—

(a) dalam hal jika harta itu dipegang oleh pemindah sendiri sebaik sebelum tarikh pindah milik, harta itu hendaklah pada dan dari tarikh pindah milik itu terletak hak pada penerima pindahan; dan

(b) dalam hal jika harta itu dipegang bersesama oleh pemindah dengan mana-mana orang lain sebaik sebelum tarikh pindah milik itu, harta itu hendaklah pada dan dari tarikh pindah milik itu terletak hak pada penerima pindahan bersesama dengan seorang yang lain itu.

(2) Penerima pindahan hendaklah, pada dan dari tarikh pindah milik bagi harta itu, memperoleh dan diletakhakkan dengan segala hak, hakmilik dan kepentingan pemindah, pada masa sekarang dan hadapan, dan kewajiban berkenaan dengan, harta itu, bebas daripada apa-apa bebanan kecuali apa-apa kepentingan berdaftar yang ada pada tarikh pindah milik itu.

(3) Suatu perintah peletakhakan yang menyatakan bahawa sesuatu harta atau tanggungan telah dipindahkan dan terletak hak pada penerima pindahan adalah keterangan muktamad bagi pemindahan dan peletakhakan itu pada tarikh pindah milik itu.

(4) Tiada peruntukan dalam mana-mana perjanjian yang mengehadkan atau melarang hak pemindah atau menghendaki apa-apa keizinan untuk menyerahkan, menjual, melupuskan atau memindahkan suatu harta itu boleh terpakai atau mempunyai kuat kuasa berkenaan dengan pemindahan dan peletakhakan harta kepada penerima pindahan.

(5) Berhubung dengan sesuatu tanggungan yang dipindahkan di bawah sesuatu perintah peletakhakan—

- (a) penerima pindahan hendaklah disifatkan sebagai telah mengambil tanggungan dan bertanggung untuk melepaskan tanggungan itu; dan
- (b) pemindah hendaklah dibebaskan dan dilepaskan daripada tanggungan.

(6) Berhubung dengan sesuatu pindahan di bawah suatu perintah peletakhakan—

- (a) suatu perjanjian, surat cara yang sedia ada, atau suatu perintah mana-mana mahkamah di bawahnya atau menurut kuasanya pemindah mempunyai hakmilik, pemunyaan, kepentingan atau hak kepada harta atau tanggungan itu, hendaklah ditafsirkan dan hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah sebutan mengenai pemindah dalam perjanjian, surat cara atau perintah itu telah digantikan dengan sebutan mengenai penerima pindahan;
- (b) sesuatu perjanjian yang sedia ada yang kepadanya pemindah merupakan suatu pihak hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah penerima pindahan menjadi pihak kepada perjanjian itu dan bukannya pemindah;
- (c) sesuatu arahan, perintah, mandat, surat kuasa wakil, kuasa, aku janji atau keizinan yang sedia ada sama ada berhubungan dengan sesuatu akaun atau tidak yang telah diberikan kepada pemindah, sama ada berseorangan atau secara berse sama dengan orang lain, hendaklah mempunyai kuat kuasa, seolah-olah diberikan kepada penerima pindahan sama ada berseorangan atau dengan orang lain itu;
- (d) apa-apa cagaran yang dipegang sebaik sebelum tarikh pindah milik oleh pemindah atau oleh seseorang penama atau pemegang amanah bagi pemindah, sebagai cagaran untuk pembayaran atau pelepasan apa-apa tanggungan mana-mana orang, hendaklah dipegang oleh penerima pindahan atau oleh penama atau pemegang amanah itu sebagai penama atau pemegang amanah penerima pindahan dengan keutamaan yang sama seperti pemindah, dan setakat tanggungan itu, hendaklah tersedia pada penerima pindahan sebagai cagaran untuk pembayaran atau pelepasan tanggungan itu; dan jika apa-apa cagaran sedemikian diluaskan kepada pendahuluan atau tanggungan masa hadapan, cagaran itu hendaklah dipegang oleh dan tersedia kepada

penerima pindahan sebagai cagaran bagi pendahuluan masa hadapan oleh atau tanggungan masa hadapan penerima pindahan mengikut cara yang sama sebagaimana pendahuluan masa hadapan oleh atau tanggungan masa hadapan pemindah dijamin sebaik sebelum tarikh pindah milik;

- (e) sebagai tambahan kepada apa-apa hak, kuasa atau remedi lain yang diberikan kepada penerima pindahan, penerima pindahan hendaklah mempunyai hak, kuasa dan remedi (dan khususnya hak dan kuasa untuk mengambil atau menentang prosiding undang-undang atau prosiding lain atau membuat atau menentang permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa) bagi menentukan, melindungi atau menguatkuasakan hak, hakmilik, kepentingan yang terletak hak pada penerima pindahan, termasuk hak, hakmilik atau kepentingan berkenaan dengan apa-apa prosiding undang-undang atau prosiding lain atau permohonan kepada mana-mana pihak berkuasa yang belum selesai sebaik sebelum tarikh pindah milik itu oleh atau terhadap pemindah, dan menentang apa-apa tuntutan, tanggungan atau kepentingan berdaftar seolah-olah ia adalah pada setiap masa merupakan hak, hakmilik atau kepentingan penerima pindahan;
- (f) sesuatu penghakiman, award atau perintah yang diperoleh oleh pemindah dan tidak diselesaikan sepenuhnya sebelum tarikh pindah milik boleh dikuatkuasakan oleh penerima pindahan;
- (g) tiada pemindahan kepada atau pemerolehan oleh penerima pindahan boleh menjadi terbatal atau boleh batal disebabkan oleh pemakaian mana-mana undang-undang;
- (h) jika jagaan apa-apa barangan, benda atau dokumen itu dipegang oleh pemindah sebagai baili sebaik sebelum tarikh pindah milik, barangan, benda atau dokumen itu hendaklah disifatkan telah dipindahkan kepada penerima pindahan dan hak dan kewajiban pemindah di bawah apa-apa kontrak bailmen yang berhubungan dengan mana-mana barangan, benda atau dokumen itu hendaklah dipindahkan kepada penerima pindahan;
- (i) sesuatu surat cara boleh niaga atau perintah bagi pembayaran wang yang diberikan kepada atau digunakan atau diterima oleh pemindah, atau yang kena dibayar di tempat perniagaan pemindah, sama ada diberikan, digunakan atau diterima sedemikian sebelum, pada atau selepas tarikh pindah milik, hendaklah mempunyai kesan yang sama pada dan dari tarikh pindah milik, seolah-olah surat cara boleh niaga atau perintah bagi pembayaran wang itu telah diberikan kepada atau digunakan atau diterima oleh penerima pindahan atau telah kena dibayar di tempat perniagaan penerima pindahan; dan
- (j) mana-mana akaun antara pemindah dengan pelanggannya hendaklah menjadi akaun antara penerima pindahan dengan pelanggan itu, tertakluk kepada syarat dan insiden yang berhubungan dengan akaun itu sehingga tarikh pindah milik, dan akaun itu hendaklah disifatkan bagi segala maksud sebagai satu akaun yang berterusan.

(7) Sesuatu pemindahan harta atau tanggungan di bawah suatu perintah peletakhakan tidak boleh—

- (a) dianggap sebagai meletakkan penerima pindahan, pemindah, mana-mana orang yang mendapat hakmilik daripada penerima pindahan atau mana-mana orang lain, dalam kedudukan mungkir atau ingkar di bawah mana-mana kontrak atau pecah kepercayaan;
- (b) dianggap sebagai menimbulkan hak atau kewajipan bagi mana-mana orang untuk—
  - (i) menamatkan atau meminda sesuatu perjanjian;
  - (ii) menguatkuasakan atau mempercepat pelaksanaan sesuatu kewajipan; atau
  - (iii) menghendaki pelaksanaan sesuatu kewajipan yang tidak secara lainnya berbangkit untuk pelaksanaan;
- (c) dianggap sebagai menjadikan pemindah, penerima pindahan atau mana-mana orang lain melanggar mana-mana undang-undang, rukun undang-undang atau perjanjian yang melarang, menyekat atau mengawal selia penyerahhakan, penjualan, pelupusan atau pemindahan apa-apa harta atau tanggungan atau penzahiran maklumat;
- (d) melepaskan seseorang penjamin daripada sesuatu kewajipan;
- (e) menidaksahkan atau melepaskan sesuatu kontrak atau cagaran; atau
- (f) dianggap sebagai menamatkan atau mengubah apa-apa hak, keistimewaan, pengecualian (termasuk apa-apa pengecualian cukai) atau keutamaan yang pemindah berhak kepadanya dan yang menurut kuasa Jadual ini telah terletak hak pada penerima pindahan atau yang wujud demi manfaat pemindah berhubung dengan apa-apa harta atau tanggungan yang dipindahkan kepada penerima pindahan menurut Jadual ini.

---

#### HURAIAN

Rang Undang-Undang Malaysian Airline System Berhad (Pentadbiran) 2014 (“Akta yang dicadangkan”) bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pentadbiran Malaysian Airline System Berhad (“MAS”), syarikat subsidiari milik sepenuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang membekalkan barangan atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting bagi pengendalian MAS dan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan suatu entiti baru yang dikenali sebagai Malaysia Airlines Berhad yang akan menggantikan MAS sebagai syarikat penerbangan nasional; dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara yang berkaitan.

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara permulaan.

*Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

*Fasal 2* memperuntukkan bahawa pemakaian Akta yang dicadangkan adalah terhad selama tempoh 5 tahun dari permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan atau selepas penyenaian Malaysia Airlines Berhad di senarai rasmi Bursa Malaysia Berhad mengikut mana-mana yang lebih awal. Ini adalah selaras dengan matlamat Akta yang dicadangkan untuk memperuntukkan langkah-langkah sementara bagi memastikan perkhidmatan udara yang penting dan perhubungan ke dan dari dan dalam Malaysia oleh MAS sebagai syarikat penerbangan nasional tidak terputus. *Fasal 2* juga memberi Menteri kuasa untuk menetapkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* suatu penghentian yang lebih awal bagi Akta yang dicadangkan jika matlamat Akta yang dicadangkan tercapai lebih awal. Jika hal keadaan memerlukan, pemakaian Akta yang dicadangkan boleh dilanjutkan melalui ketetapan yang diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen bagi tempoh yang lebih lanjut sebagaimana yang dinyatakan dalam ketetapan itu.

*Fasal 3* mengandungi takrif beberapa istilah dan ungkapan tertentu yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

3. Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan peletakan MAS, syarikat subsidiari milik penuhnya dan syarikat subsidiari milik separanya yang disenaraikan dalam perenggan 4(c) di bawah Pentadbiran (disebut sebagai “Syarikat yang Ditadbir”), kesan dan jangka masa Pentadbiran serta perkara berkaitan lain yang berhubungan dengan pelantikan, kelayakan, kuasa dan fungsi Pentadbir.

*Fasal 4* memperuntukkan bahawa seorang anggota MAS atau lembaga pengarahnya boleh, dengan kelulusan bertulis Menteri terlebih dahulu, meletakkan Syarikat yang Ditadbir, di bawah pentadbiran. Syarikat subsidiari milik separa yang disenaraikan dalam perenggan 4(c) telah dikenal pasti sebagai syarikat yang membekalkan barangan atau menjalankan perkhidmatan atau kedua-duanya yang penting bagi memastikan keberterusan syarikat penerbangan itu dan pengendaliannya.

*Fasal 5* memberi kuasa kepada pihak yang meletakkan Syarikat yang Ditadbir di bawah pentadbiran untuk melantik Pentadbir. Pelantik mempunyai kuasa untuk menggantikan Pentadbir yang sedia ada dengan Pentadbir baru. *Fasal 5* juga memperuntukkan bahawa apabila Pentadbir dilepaskan daripada pelantikannya, dia hendaklah dibebaskan daripada semua kewajipan dan tanggungan berkenaan dengan pentadbirannya atau berhubung dengan kelakuannya sebagai Pentadbir. Kekebalan yang diberikan kepada Pentadbir dan hal keadaan apabila kekebalan tidak akan terpakai dinyatakan dalam *subfasal 34(2)*.

*Fasal 6* menyatakan jangka masa Pentadbiran yang bermula dari tarikh pelantikan Pentadbir di bawah *fasal 5* dan berakhir apabila pentadbiran ditamatkan oleh pelantik.

*Fasal 7* menyatakan kelayakan untuk menjadi seorang Pentadbir yang pada dasarnya menghendaki Pentadbir yang merupakan orang sebenar yang telah bersetuju dengan pelantikan itu dan yang sama ada merupakan seorang juruaudit syarikat yang diluluskan di bawah Akta Syarikat 1965 atau seseorang yang berupaya untuk menjalankan tugas Pentadbir.

Selanjutnya, bagi memastikan bahawa Pentadbir berupaya untuk menjalankan fungsinya dan memakai kuasanya dengan bebas, *fasal 7* tidak melayakkan mana-mana orang daripada dilantik sebagai Pentadbir jika dia merupakan seorang penerima gadai janji mana-mana harta Syarikat yang Ditadbir atau mempunyai pemegangan syer secara langsung atau tidak langsung dalam Syarikat yang Ditadbir atau seseorang yang, secara langsung atau tidak langsung, mempunyai kepentingan dalam apa-apa kontrak atau perkiraan untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada Syarikat yang Ditadbir atau seorang juruaudit Syarikat yang Ditadbir atau seorang pegawai Syarikat yang Ditadbir.

*Fasal 8* bertujuan untuk menghendaki Pentadbir supaya memberitahu Pendaftar Syarikat dan menyiarkan pelantikannya melalui penyerahan notis pelantikan kepada Pendaftar Syarikat dan penyiaran notis dalam akhbar harian kebangsaan. *Fasal 8* juga memberi mandat bahawa setiap bentuk dokumentasi yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Syarikat yang Ditadbir atau Pentadbir selepas pelantikan Pentadbir hendaklah mengandungi perkataan “Pentadbir Yang Dilantik”. Kehendak pemberitahuan ini adalah serupa dengan kehendak yang dikenakan oleh Akta Syarikat 1965 berikutan pelantikan seorang Penerima dan Pengurus dan juga Penyelesai apabila sesuatu syarikat digulungan.

*Fasal 9* menyatakan fungsi Pentadbir yang pada dasarnya adalah untuk menjalankan dan menguruskan perniagaan, hal ehwal dan pengendalian Syarikat yang Ditadbir dan Pentadbir akan mengambil alih semua kuasa yang diberikan kepada pengarah dan menjalankan fungsi pegawai Syarikat yang Ditadbir. Oleh sebab itu Pentadbir juga hendaklah menjaga atau mengawal harta Syarikat yang Ditadbir.

*Fasal 10* menyatakan kuasa Pentadbir bagi maksud mentadbirkan Syarikat yang Ditadbir.

*Fasal 11* memperuntukkan bahawa, apabila Pentadbir dilantik, suatu moratorium yang menyekat permulaan atau penerusan langkah-langkah atau tindakan undang-undang tertentu pada atau terhadap Syarikat yang Ditadbir yang sebaliknya akan mempunyai kesan undang-undang yang buruk kepada Syarikat yang Ditadbir dan harta Syarikat yang Ditadbir dan akhirnya menggagalkan kebergunaan dan matlamat Pentadbiran bagi Syarikat yang Ditadbir. Moratorium itu memastikan bahawa pentadbiran Syarikat yang Ditadbir boleh dijalankan dengan berkesan dan tanpa gangguan. Walau bagaimanapun, moratorium itu tidak terpakai bagi apa-apa prosiding sivil atau jenayah yang diambil oleh badan kawal selia terhadap Syarikat yang Ditadbir.

*Fasal 12* memperuntukkan bahawa jangka masa moratorium adalah selama dua belas bulan dari tarikh Pentadbir dilantik melainkan pentadbiran ditamatkan terlebih dahulu. Tempoh moratorium juga boleh dilanjutkan oleh Menteri, sekali, bagi tempoh lanjut tidak lebih daripada dua belas bulan jika dia berpuas hati bahawa hal keadaan mewajarkan pelanjutan itu. Kuasa pelanjutan ini hanya boleh dijalankan sekali sahaja. Jika sesuatu pelanjutan dibenarkan oleh Menteri, *fasal* ini menghendaki Pentadbir menyiarkan notis pelanjutan dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian kebangsaan; salah satunya hendaklah dalam Bahasa kebangsaan.

*Fasal 13* memberi Pentadbir kuasa untuk mengelakkan apa-apa pemindahan, pemindahhakan atau kewujudan cagaran atas barangan, wang atau harta lain Syarikat yang Ditadbir yang, sekiranya telah dibuat oleh atau terhadap seseorang individu, akan dalam kebankrapannya di bawah undang-undang kebangkrapan boleh menjadi tidak sah atau boleh batal.

*Fasal 14* memberi Pentadbir kuasa untuk mengarahkan mana-mana pemberi perkhidmatan peralihan yang berada di bawah suatu kontrak atau kewajipan untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada Syarikat yang Ditadbir supaya terus membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya. Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya bertanggungjawab untuk membayar bagi barangan atau perkhidmatan itu pada kadar yang sama seperti yang dibayar oleh Syarikat yang Ditadbir. Arahan oleh Pentadbir hendaklah hanya diberikan bagi maksud memastikan bahawa tiada gangguan perkhidmatan Malaysia Airlines Berhad dan subsidiarinya.

*Fasal 14* selanjutnya memperuntukkan bahawa jika pemberi perkhidmatan peralihan tidak mematuhi arahan Pentadbir untuk membekalkan barangan atau perkhidmatan kepada Malaysia Airlines Berhad, Menteri boleh, jika difikirkan perlu demi kepentingan awam, mengarahkan Pentadbir atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Menteri untuk mengambil alih kawalan keseluruhan atau sebahagian daripada harta, perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan bagi memastikan Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya menerima barangan dan perkhidmatan yang dikehendakinya supaya pengendalian syarikat penerbangan boleh diteruskan tanpa gangguan. Perintah Menteri di bawah *fasal 14* tidak meletakhakkan hakmilik kepada atau kepentingan benefisial dalam harta pemberi perkhidmatan peralihan kepada Pentadbir atau mana-mana orang lain yang dilantik oleh Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan. Belanja yang dilakukan dalam menjalankan arahan Menteri hendaklah dibayar daripada aset pemberi perkhidmatan peralihan mendahului semua tuntutan lain sama ada bercagar atau tidak bercagar.

*Fasal 14* selanjutnya memperuntukkan bahawa apa-apa barangan yang dibekalkan atau perkhidmatan yang diberikan oleh pemberi perkhidmatan peralihan kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya tidak tertakluk kepada penyelesaian hutang yang sedia ada yang terdahulu oleh Syarikat yang Ditadbir kepada pemberi perkhidmatan peralihan. Walau bagaimanapun, ini tidak menjejaskan hak dan kelayakan pemberi perkhidmatan peralihan untuk mendapatkan balik hutang yang terhutang oleh Syarikat yang Ditadbir, termasuk faedah atas bayaran lewat.

*Fasal 15* menyatakan kesan pengambilalihan kawalan harta, perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan oleh Pentadbir atau mana-mana orang lain menurut arahan Menteri di bawah *fasal 14*. Ini termasuk pemberian kawalan harta, perniagaan dan hal ehwal kepada Pentadbir atau orang lain yang dilantik oleh Menteri untuk mengambil kawalan pemberi perkhidmatan peralihan, memberikan semua kemudahan kepada Pentadbir atau orang lain yang dilantik oleh Menteri sebagaimana yang dikehendaki untuk menjalankan perniagaan dan hal ehwal pemberi perkhidmatan peralihan. *Fasal* ini juga membenarkan Pentadbir atau orang yang dilantik oleh Menteri supaya menjalankan segala kuasa pemberi perkhidmatan peralihan tetapi hanya untuk menjamin penghantaran barangan atau perkhidmatan atau kedua-duanya kepada Malaysia Airlines Berhad dan syarikat subsidiarinya. Dalam menjalankan kuasa yang diberikan oleh *fasal* ini, Pentadbir atau orang yang dilantik oleh Menteri tidak boleh membuat apa-apa yang akan mengganggu perniagaan pemberi perkhidmatan peralihan.

*Fasal 16* memberi Pentadbir kuasa untuk menghendaki mana-mana pegawai Syarikat yang Ditadbir supaya memberikan, melalui suatu akuan berkanun, penyata hal ehwal Syarikat yang Ditadbir yang memperincikan antara lain butir-butir segala harta dan tanggungan, nama dan alamat pemiutang, cagaran yang dipegang oleh pemiutang dan tarikh bila cagaran itu diberikan dan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Pentadbir.

*Fasal 17* bertujuan untuk menghendaki pegawai Syarikat yang Ditadbir supaya bekerjasama dengan Pentadbir dalam penyiasatan Syarikat yang Ditadbir dengan mematuhi permintaan Pentadbir untuk menghantar atau menzahirkan semua buku, rekod dan dokumen Syarikat yang Ditadbir atau maklumat yang berkaitan dengan lokasi buku, rekod dan dokumen itu. *Fasal 17* juga memberi mandat kepada pegawai Syarikat yang Ditadbir supaya hadir di hadapan Pentadbir jika diminta untuk berbuat demikian bagi maksud memberikan maklumat berkaitan dengan harta, hal ehwal dan hal keadaan kewangan Syarikat yang Ditadbir. Setelah pentadbiran selesai, *fasal 17* menghendaki Pentadbir memulangkan semua buku, rekod dan dokumen Syarikat yang Ditadbir.

4. Bahagian III memperkatakan tentang pentadbiran Syarikat yang Ditadbir oleh Pentadbir dan termasuk peruntukan bagi pelantikan Penasihat Bebas, kelayakan Penasihat Bebas, keputusan yang berhubungan dengan cadangan yang disediakan oleh Pentadbir dan pelaksanaan cadangan.

*Fasal 18* memberi Pentadbir kuasa sama ada untuk berunding semula terma dan syarat mana-mana kontrak atau perjanjian Syarikat yang Ditadbir atau menyediakan suatu cadangan berkenaan dengan Syarikat yang Ditadbir atau membuat kedua-dua rundingan semula dan menyediakan cadangan. Cadangan yang disediakan itu boleh memperuntukkan bagi pemindahan apa-apa harta, perniagaan atau tanggungan Syarikat yang Ditadbir dengan cara peletakhakan di bawah Bahagian V atau mengikut undang-undang yang berkaitan yang terpakai untuk menguatkuasakan pemindahan harta, perniagaan atau tanggungan itu. *Fasal 18* menghendaki Pentadbir supaya mengemukakan cadangan itu kepada Penasihat Bebas dan pelantik.

*Fasal 19* menyatakan kelayakan seseorang Penasihat Bebas yang mestilah sama ada suatu bank pelaburan atau firma akauntan atau seseorang (selain orang sebenar) yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti pemberian nasihat

mengenai kewangan korporat yang dikawal selia di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] dan yang, pada pendapat pelantik, mempunyai pengalaman yang diperlukan atau berupaya untuk melaksanakan tugas seseorang Penasihat Bebas. Bagi memastikan kesaksamaan dan keobjektifan dalam mengusahakan kajian semula, *Fasal 19* memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang hendak dilantik sebagai Penasihat Bebas hendaklah bebas daripada pelantik, pengurusan dan lembaga pengarah Syarikat yang Ditadbir dan Malaysia Airlines Berhad, dan tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam Syarikat yang Ditadbir dan Malaysia Airlines Berhad.

*Fasal 20* menyatakan kriteria dan pertimbangan yang boleh diambil oleh Penasihat Bebas apabila melaksanakan kajian semula cadangan Pentadbir dan apabila siap kajian semula itu, Penasihat Bebas hendaklah menyediakan dan mengemukakan suatu laporan tentang kajian semula itu kepada Pentadbir dan pelantik.

*Fasal 21* memperuntukkan bahawa pelantik hendaklah menimbangkan cadangan Pentadbir itu bersama dengan laporan Penasihat Bebas dan jika pelantik meluluskan cadangan itu, cadangan itu hendaklah dilaksanakan mengikut termannya. Walau bagaimanapun, jika pelantik menolak cadangan itu, terdapat beberapa pilihan yang ada kepada pelantik termasuklah mengarahkan Pentadbir supaya mengkaji semula cadangan itu atau menyediakan cadangan baru atau menamatkan pentadbiran Syarikat yang Ditadbir.

*Fasal 22* menghendaki Pentadbir supaya mendapatkan kelulusan suatu badan kawal selia jika ia dikehendaki untuk melaksanakan cadangan itu dan memperkatakan tentang situasi apabila badan kawal selia mengenakan syarat. *Fasal 22* memberi pelantik kuasa sama ada untuk mengarahkan Pentadbir supaya mengkaji semula cadangan itu atau menyediakan suatu cadangan baru atau menamatkan pentadbiran Syarikat yang Ditadbir jika syarat yang dikenakan dan jika pelantik berpendapat bahawa keadaan itu bukan untuk kepentingan Syarikat yang Ditadbir.

*Fasal 22* juga menghendaki Pentadbir supaya menghantar suatu salinan cadangan kepada semua pemiutang Syarikat yang Ditadbir serta kepada mana-mana orang lain yang terjejas dengan cadangan itu sebelum melaksanakan cadangan itu. Walau bagaimanapun, kegagalan untuk memberitahu tidak menjejaskan kesahan cadangan itu. *Subfasal (3)* memperuntukkan kesan mengikat bagi cadangan ke atas Syarikat yang Ditadbir, pemiutang Syarikat yang Ditadbir dan semua orang yang terjejas oleh terma cadangan itu, termasuklah Malaysia Airlines Berhad, jika terpakai. Ia juga memelihara apa-apa cagarang yang diberikan oleh mana-mana orang untuk menjamin apa-apa kewajipan atau tanggungan yang terhutang oleh Syarikat yang Ditadbir kepada mana-mana pemiutangnya; dan setiap cagarang tersebut adalah sah dan boleh dikuatkuasakan.

*Fasal 23* mengadakan peruntukan bagi pemindahan harta atau tanggungan ke atas penerima pindahan yang dinamakan dalam cadangan itu. Apa-apa pemindahan harta atau tanggungan di bawah cadangan itu hendaklah dikuatkuasakan oleh Pentadbir mengikut peruntukan peletakhakan di bawah Bahagian V dan juga terma dan syarat yang dinyatakan dalam cadangan itu.

5. Bahagian IV memperkatakan tentang pemerbadanan dan tujuan utama Malaysia Airlines Berhad dan peruntukan yang berhubungan dengan pekerja Syarikat yang Ditadbir.

*Fasal 24* menyatakan matlamat utama Malaysia Airlines Berhad iaitu untuk mengendalikan syarikat penerbangan nasional Malaysia sebagai perusahaan komersial dan Malaysia Airlines Berhad juga boleh menjalankan perniagaan lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh lembaga pengarah Malaysia Airlines Berhad.

*Fasal 25* memberi Malaysia Airlines Berhad kuasa mengikut budi bicara mutlaknya sendiri untuk menawarkan pekerjaan kepada mana-mana orang yang sebaik sebelum tawaran itu dibuat merupakan seorang pekerja atau berada dalam perkhidmatan Syarikat yang Ditadbir berdasarkan terma dan syarat yang ditentukan oleh Malaysia Airlines Berhad.

*Fasal 26* bertujuan untuk menjelaskan kedudukan undang-undang Malaysia Airlines Berhad berhubung dengan penawaran pekerjaan kepada seseorang pekerja Syarikat yang Ditadbir. Tawaran pekerjaan itu tidak dibuat dalam kapasiti sebagai pengganti, pemegang serah hak atau penerima pindahan atau majikan pengganti bagi Syarikat yang Ditadbir. Oleh sebab itu, Malaysia Airlines Berhad tidak bertanggung bagi apa-apa kewajipan Syarikat yang Ditadbir yang berhubungan dengan apa-apa pelan persaraan atau pelan manfaat pasca pekerjaan pekerja atau bekas pekerja Syarikat yang Ditadbir atau bagi apa-apa wang yang kena dibayar kepada mana-mana pekerja Syarikat yang Ditadbir sebelum Malaysia Airlines Berhad menjadi majikan orang berkenaan. *Fasal 26* melarang mana-mana pekerja atau bekas pekerja Syarikat yang Ditadbir daripada menamakan atau menjadikan Malaysia Airlines Berhad, pelantik atau Pentadbir sebagai pihak dalam apa-apa prosiding yang dimulakan atau diteruskan terhadap Syarikat yang Ditadbir menurut Akta Perhubungan Perusahaan [Akta 177] atau Akta Kerja 1955 [Akta 265], Ordinan Buruh Sabah 1950 [Sabah Bab 67], Ordinan Buruh Sarawak 1952 [Sarawak Bab 76] atau Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262].

*Fasal 27* mengadakan peruntukan bagi kuasa Malaysia Airlines Berhad untuk mengenakan kaedah-kaedah kerja, tatakelakuan dan peraturan-peraturan setakat ia mengikut undang-undang yang terpakai.

*Fasal 28* menyatakan kehendak dan tatacara bagi apa-apa perbincangan atau rundingan antara Malaysia Airlines Berhad dengan kesatuan sekerja dan persatuan yang ditubuhkan sewajarnya. *Fasal* ini memberikan mandat bahawa semua perkara untuk dibincangkan atau dirundingkan antara Malaysia Airlines Berhad dengan kesatuan sekerja atau persatuan hendaklah melalui mesyuarat dan semua kesatuan sekerja dan persatuan hendaklah diwakili sewajarnya dalam mesyuarat itu. Ketidakhadiran mana-mana kesatuan sekerja atau persatuan hendaklah menyebabkan penangguhan mesyuarat itu dan apabila mesyuarat yang ditangguhkan itu bersidang semula, keputusan yang dibuat secara bersama oleh mereka yang hadir pada mesyuarat yang ditangguhkan itu dan Malaysia Airlines Berhad hendaklah sah dan mengikat Malaysia Airlines Berhad dan semua kesatuan sekerja dan persatuan.

*Fasal 29* mengadakan peruntukan bagi perkara yang berhubung dengan atau memberi kesan kepada produktiviti atau penggunaan tenaga kerja dengan berkesan dalam Malaysia Airlines Berhad supaya tidak termasuk dalam *fasal 28*. Sebaliknya Malaysia Airlines Berhad hendaklah menentukan perkara yang berhubung dengan pencarian sumber dan peruntukan sumber, penilaian pekerja, kelayakan cuti, waktu bekerja dan penjadualan kerja (termasuklah had masa penerbangan dan tempoh tugas penerbangan). Dalam membuat penentuan itu, Malaysia Airlines Berhad hendaklah mematuhi segala undang-undang dan standard antarabangsa yang terpakai.

6. Bahagian V memperkatakan tentang peletakhakan harta atau tanggungan Syarikat yang Ditadbir di bawah Akta yang dicadangkan.

*Fasal 30* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk meletakhakan apa-apa harta atau tanggungan Syarikat yang Ditadbir kepada Malaysia Airlines Berhad melalui satu perintah atau lebih yang disiarkan dalam *Warta*. Pemindahan dan peletakhakan hendaklah berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan yang dinyatakan dalam perintah tanpa apa-apa pemindahhakan, penyerahhakan atau pemindahan. *Subfasal 30(2)* selanjutnya memperuntukkan bahawa pemindahan dan peletakhakan itu hendaklah mempunyai kuat kuasa sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah undang-undang dan hendaklah mengikat semua orang yang terjejas.

*Fasal 31* membenarkan Menteri untuk membetulkan apa-apa peninggalan atau kesilapan dalam mana-mana perintah peletakhakan yang dikeluarkan sebelum ini.

7. Bahagian VI mengandungi peruntukan am.

*Fasal 32* mengecualikan pemakaian seksyen 132E Akta Syarikat 1965 jika kelulusan pemegang saham dikehendaki bagi 'transaksi pihak berhubung'. Pengecualian seksyen 132E adalah dikehendaki dalam transaksi pihak berhubung antara MAS dengan Malaysia Airlines Berhad apabila, disebabkan terdapat kehendak bagi pihak-pihak yang berhubung untuk tidak mengundi, tidak ada pemegang syer yang lain untuk meluluskan ketetapan pemegang saham yang diperlukan.

*Fasal 33* memberikan hak kepada Pentadbir, pelantik atau mana-mana orang lain untuk mendapatkan tanggung rugi daripada harta Syarikat yang Ditadbir berkenaan dengan kos, perbelanjaan yang dilakukan dan kemudahan kredit yang diberikan kepada Syarikat yang Ditadbir semasa pentadbiran Syarikat yang Ditadbir dan hak tanggung rugi tersebut hendaklah dibayar mendahului semua hutang yang bercagar dan tidak bercagar.

*Fasal 34* bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada Menteri, pelantik, Pentadbir, Penasihat Bebas, mana-mana pegawai pelantik dan Penasihat Bebas dan mana-mana orang lain yang bertindak di sisi undang-undang bagi pihak pelantik, Pentadbir dan Penasihat Bebas berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkara yang dibuat dengan suci hati dan dalam menjalankan apa-apa

kuasa dan menunaikan apa-apa kewajipan yang diberikan di bawah Akta yang dicadangkan. *Fasal 34* selanjutnya melindungi Pentadbir dan mana-mana orang yang bertindak di sisi undang-undang bagi pihak Pentadbir daripada apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding bagi kerugian atau kerosakan melainkan jika kerugian atau kerosakan itu disebabkan salah laku dengan sengaja atau kecuaiian melampau Pentadbir dan mana-mana orang yang bertindak di sisi undang-undang bagi pihak Pentadbir.

*Fasal 35* bertujuan untuk menghalang pemberian mana-mana perintah Mahkamah yang kesannya adalah untuk menggantung, menyekat atau menyentuh kuasa Pentadbir, atau apa-apa tindakan yang diambil atau dicadangkan untuk diambil oleh Pentadbir atau sesuatu perintah Mahkamah yang kesannya adalah untuk memaksa Pentadbir membuat atau melakukan apa-apa perbuatan. *Fasal 35* juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa keputusan yang dibuat dalam *fasal 4* dan *5*, *subfasal 12(2)* dan *subfasal 18(1)* adalah muktamad.

*Fasal 36* bertujuan untuk melindungi kesahan apa-apa bayaran yang dibuat, transaksi yang dibuat atau apa-apa perbuatan atau benda yang dibuat dengan suci hati atau dengan keizinan Pentadbir

*Fasal 37* memperuntukkan bahawa semua perkara yang dibuat dan belanja yang dilakukan dalam menyediakan dan menjangkakan pembuatan Akta yang dicadangkan oleh mana-mana orang yang berkaitan dengan harta, tanggungan, perniagaan dan hal ehwal Syarikat yang Ditadbir atau mana-mana orang bagi pihak Malaysia Airlines Berhad hendaklah disifatkan telah dibenarkan di bawah Akta yang dicadangkan jika selaras dengan niat dan maksud am Akta yang dicadangkan.

8. Jadual memperuntukkan tentang peletakhakan dan pemindahan harta dan tanggungan Syarikat yang Ditadbir kepada Malaysia Airlines Berhad dan penerima pindahan dinamakan dalam cadangan itu dan menyatakan kesan peletakhakan itu.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)2961]